



Ruj. Kami : JPA.BK(S) 134/8/2-8 Jld.11 (47)

Tarikh : 12 Januari 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL  
GRED DV19 KE GRED DV22 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) sedang dalam proses **persediaan pengisian jawatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional (Pem. PLV) Gred DV22 bagi tahun 2021/2022**. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan maklumat **Pem. PLV Gred DV19** yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- 2.1 Telah **Disahkan dalam perkhidmatan**;
- 2.2 Dilantik sebagai Pem. PLV Gred DV19 Perkhidmatan Gunasama Persekutuan **pada 31 Disember 2017 dan sebelum** (tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan berubah kepada tarikh 1 Januari 2018 dan seterusnya);
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi **tiga (3) tahun terkini (2017, 2018 dan 2019)** adalah **80% dan ke atas**;
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;

...2/

2.7 Menandatangani Surat Akuan Pinjaman Institusi/Tabung Pendidikan; dan

2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Permohonan hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen berikut:

- 3.1 **Lampiran A** – Borang Pertimbangan Pemangku Perkhidmatan Gunasama Persekutuan Skim Perkhidmatan Pem. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV19 ke Gred DV22;
- 3.2 **Lampiran B** – Borang Perakuan Ketua Jabatan;
- 3.3 **Lampiran C** – Surat Akuan Pinjaman Pendidikan;
- 3.4 **Lampiran D** - Maklumat Perkhidmatan Pegawai (***Softcopy* perlu dikemukakan melalui alamat e-mel seperti di perenggan 6**);
- 3.5 Surat Keputusan **Tapisan Keutuhan SPRM terkini**; dan
- 3.6 Salinan **Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terkini (2017, 2018 dan 2019)** yang telah disahkan.

4. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** seperti maklumat di **perenggan 3** di atas bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/ Datuk/Dato'/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 19 Februari 2021 (Jumaat)** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**  
(u.p. : Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

5. Dimaklumkan bahawa, menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **perenggan 2** sahaja dikemukakan ke JPA. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (**buku rekod perkhidmatan tidak perlu dikemukakan**). Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. **Encik Ahmad Azizi bin Hj. Nordin** - 03-8885 4304  
[azizi.nordin@jpa.gov.my](mailto:azizi.nordin@jpa.gov.my)
  
- ii. **Encik Abdul Halim bin Jamaludin** - 03-8885 4278  
[halim.jamaludin@jpa.gov.my](mailto:halim.jamaludin@jpa.gov.my)

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)**

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**MALAYSIA**

☎ : 03-8885 4110

✉ : [nursara.abdullah@jpa.gov.my](mailto:nursara.abdullah@jpa.gov.my)